

KEDUDUKAN PENYATA KEWANGAN YANG DISATUKAN

Hingga pada 31 Disember 2024

(Amaun dalam jutaan dalam matawang Renminbi, kecuali dinyatakan sebaliknya)

	2024	2023
ASET		
Wang tunai dan wang pinjaman dari bank dan lain institusi kewangan	582,448	568,855
Baki wang dengan bank pusat	2,467,857	2,941,140
Penempatan dengan dan pinjaman kepada bank dan institusi kewangan lain	1,442,072	1,233,888
Sijil-sijil Kerajaan mengenai hal hutang untuk not-not bank yang dikeluarkan	217,405	203,176
Logam berharga	179,635	96,968
Aset kewangan asal	183,177	146,750
Wang pinjaman dan wang pendahuluan kepada para pelanggan, bersih	21,055,282	19,476,871
Pelaburan kewangan	8,360,277	7,158,717
- aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	600,297	550,421
- aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	4,388,945	3,248,113
- aset kewangan pada kos dilunaskan	3,371,035	3,360,183
Pelaburan dalam badan bersekutu dan usahasama	40,972	39,550
Hartanah dan peralatan	223,905	227,135
Pembinaan sedang dijalankan	21,717	20,346
Pelaburan hartanah	22,431	22,704
Cukai pendapatan aset tertunda	62,691	75,156
Lain-lain aset	201,430	220,910
Jumlah aset	35,061,299	32,432,166

LIABILITI

Jangkaan kepada bank dan institusi kewangan yang lain	2,933,752	2,245,362
Jangkaan kepada bank pusat	1,112,016	1,235,320
Not bank dalam edaran	217,415	203,249
Penempatan daripada bank dan institusi kewangan yang lain	607,201	474,977
Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan	57,604	54,264
Liabiliti kewangan asal	153,456	135,973
Jangkaan kepada para pelanggan	24,202,588	22,907,050
Bon-bon yang dikeluarkan	2,056,459	1,802,446
Peminjaman yang lain	42,961	36,176
Liabiliti cukai semasa	29,021	59,303
Obligasi faedah persaraan	1,594	1,676
Liabiliti cukai pendapatan tertunda	9,130	7,397
Liabiliti lain	685,048	512,158
Jumlah liabiliti	32,108,335	29,675,351

EKUITI

Modal dan rizab sepatutnya untuk pemegang ekuiti bagi Bank

Modal saham	294,388	294,388
Instrumen ekuiti lain	409,513	399,505
- Saham keutamaan	119,550	119,550
- Ikatan kekal	289,963	279,955
Rizab modal	135,768	135,736
Pendapatan komprehensif lain	95,268	34,719
Rizab berkanun	279,006	256,729
Rizab umum dan rizab mengikut peraturan	414,638	379,285
Keuntungan tidak dibahagi-bahagikan	1,187,650	1,129,148
	2,816,231	2,629,510
Faedah tanpa kawalan	136,733	127,305
Jumlah ekuiti	2,952,964	2,756,815
Jumlah ekuiti dan liabiliti	35,061,299	32,432,166

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada pemegang saham Bank of China Limited

(Diperbadankan di Republik Rakyat China dengan liabiliti terhad)

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan disatukan Bank of China Limited ("Bank") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") yang dibentangkan dari muka surat 221 hingga 386 yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan disatukan pada 31 Disember 2024, dan penyata pendapatan disatukan, penyata pendapatan komprehensif disatukan, penyata perubahan ekuiti disatukan dan penyata aliran tunai disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta nota penyata kewangan disatukan, termasuk maklumat dasar perakaunan material.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan disatukan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan disatukan serta aliran tunai disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Perakaunan IFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IASB") dan telah disediakan dengan wajar dengan mematuhi keperluan pendedahan Ordinan Syarikat Hong Kong.

Asas Pendapat

Kami menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa ("ISA") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan dengan lebih lanjut dalam tanggungjawab Juruaudit untuk bahagian audit penyata kewangan disatukan dalam laporan kami. Kami bebas daripada Kumpulan menurut Kod Etika Akauntan Profesional ("Kod") yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Awam Bertauliah Hong Kong, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut Kod. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Perkara Audit Utama

Perkara audit utama ialah perkara-perkara yang paling penting pertimbangan profesional kami dalam audit kami terhadap penyata kewangan disatukan bagi tempoh semasa. Perkara-perkara ini telah dikendalikan dalam konteks audit kami ke atas penyata kewangan disatukan secara keseluruhan dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya. Kami tidak memberikan pendapat berasingan mengenai perkara-perkara ini. Untuk setiap perkara di bawah, penerangan kami tentang cara audit kami mengendalikan perkara tersebut disediakan dalam konteks berkenaan.

Kami telah memenuhi tanggungjawab yang diterangkan dalam tanggungjawab Juruaudit untuk bahagian audit penyata kewangan disatukan dalam laporan kami, termasuk yang berkaitan dengan perkara ini. Sehubungan itu, audit kami termasuk prestasi prosedur yang direka bentuk untuk bertindak balas terhadap penilaian kami tentang risiko salah nyata material penyata kewangan disatukan. Keputusan prosedur audit kami, termasuk prosedur yang dilaksanakan untuk mengendalikan perkara di bawah, menyediakan asas untuk pendapat audit kami mengenai penyata kewangan disatukan yang disertakan.

Jangkaan kerugian kredit untuk pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan yang diukur pada kos terlunas

Kumpulan menggunakan beberapa pertimbangan dan andaian yang signifikan dalam pengukuran kerugian kredit dijangka, contohnya:

- Peningkatan signifikan dalam risiko kredit – Kriteria untuk mengenal pasti sama ada peningkatan signifikan dalam risiko kredit sangat bergantung pada pertimbangan dan mungkin mempunyai kesan signifikan ke atas jangkaan kerugian kredit untuk pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan yang diukur pada kos terlunas dengan baki tempoh yang lebih panjang sebelum matang;
- Model dan parameter – Model yang secara inherennya rumit digunakan untuk mengukur kerugian kredit yang dijangkakan. Parameter yang dimodelkan mempunyai banyak input dan anggaran parameter melibatkan banyak pertimbangan dan andaian;
- Maklumat berbandangan ke hadapan – Pertimbangan pakar digunakan untuk membentuk ramalan makroekonomi dan untuk mempertimbangkan kesan ke atas jangkaan kerugian kredit di bawah pelbagai senario ekonomi yang diberikan wajaran dan berbeza;
- Sama ada aset kewangan mengalami rosotnilai kredit – Penentuan rosotnilai kredit memerlukan pertimbangan berbilang faktor dan pengukuran jangkaan kerugian kredit bergantung pada anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada 31 Disember 2024, pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan yang diukur pada kos terlunas berjumlah RMB20,639,139 juta, dan jumlah elauan rosotnilai untuk pinjaman dan pendahuluan tersebut kepada pelanggan berjumlah RMB538,786 juta. Memandangkan ukuran jangkaan kerugian kredit melibatkan banyak pertimbangan dan andaian signifikan, rosotnilai pinjaman dan pendahuluan dianggap sebagai perkara audit utama.

Pendedahan yang berkaitan disertakan dalam Nota II.4, Nota III.1, Nota V.17 dan Nota VI.2 kepada penyata kewangan yang disatukan.

Cara audit kami mengendalikan Perkara Audit Utama

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman utama ke atas pemberian kredit, pengurusan kredit pasca kelulusan, sistem penarafan kredit pinjaman, pengurusan cagaran serta kerugian kredit yang dijangkakan, termasuk:

- Dengan sokongan pakar audit IT kami, kami menilai dan menguji data dan proses yang digunakan untuk menentukan kerugian kredit yang dijangkakan, termasuk data perniagaan pinjaman, data penarafan kredit dalaman, data makroekonomi, serta logik pengiraan, input dan antara muka sistem bagi sistem penilaian rosotnilai;
- Kami menilai dan menguji kawalan dalaman utama ke atas pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan pendekatan kerugian kredit yang dijangka, termasuk kelulusan dasar dan prosedur utama, model utama dan parameter berkaitan serta pelarasannya dan pemantauan berterusan prestasi model, pengesahan model dan penentukuran parameter.

Kami menggunakan pendekatan persampelan berasaskan risiko dalam prosedur semakan pinjaman kami untuk menilai pertimbangan Kumpulan dalam pengredan dan pemeringkatan pinjaman. Kami memilih sampel berdasarkan ciri risiko item individu termasuk industri, pengredan pinjaman dan sejarah lampau tempoh. Kami membentuk pandangan bebas mengenai pengredan dan pemeringkatan pinjaman melalui penilaian keupayaan pembayaran balik penghutang, dengan mengambil kira laporan pemeriksaan pasca pemberian pinjaman, maklumat kewangan penghutang, laporan penilaian cagaran dan maklumat lain yang tersedia ada. Bagi pinjaman dan pendahuluan terjejas kredit, kami mengira semula elauan rosotnilai kredit berdasarkan persampelan dengan menganalisis jumlah, masa dan kebarangkalian anggaran aliran tunai masa hadapan pengurusan, terutamanya aliran tunai boleh pulih daripada cagaran.

Dengan kerjasama bersama pakar pemodelan kami, kami menilai dan menguji model kerugian kredit yang dijangkakan, parameter utama dan pertimbangan serta andaian signifikan pihak pengurusan terhadap pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan, dengan tunjangan diberikan kepada aspek-aspek berikut:

- Dengan mengambil kira perubahan makroekonomi, faktor risiko industri dan keputusan pengesahan, penilaian semula dan pengoptimuman model ECL, kami menilai metodologi model ECL dan parameter yang berkaitan, termasuk kebarangkalian kemungkiran, anggaran kerugian akibat kemungkiran, pendedahan terhadap kemungkiran, kumpulan risiko dan sama ada terdapatnya peningkatan signifikan dalam risiko kredit;
- Kami menilai maklumat berbandangan ke hadapan yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk menentukan jangkaan kerugian kredit, termasuk ramalan pembolehubah makroekonomi dan andaian serta wajaran berbilang senario makroekonomi;
- Kami menilai kewajaran penentuan rosotnilai kredit oleh pengurusan dengan menjalankan ujian balik.

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman utama yang berkaitan dengan pendedahan dari segi pendedahan risiko kredit dan jangkaan kerugian kredit.

Penilaian aset kewangan

Nilai saksama aset kewangan Kumpulan yang diukur pada nilai saksama ditentukan sama ada oleh sebut harga pasaran aktif atau teknik penilaian. Teknik penilaian digunakan untuk menentukan nilai saksama aset kewangan yang tidak mempunyai harga sebut harga dalam pasaran aktif, seperti dana persendirian, ekuiti tidak tersenarai dan pelaburan hutang tertentu. Teknik-teknik ini mungkin melibatkan penggunaan input-input signifikan yang tidak dapat diperhatikan yang memerlukan andaian dan anggaran berdasarkan pertimbangan subjektif pihak pengurusan. Kami menggunakan penilaian boleh berbeza dengan signifikan di bawah teknik atau andaian penilaian yang berbeza.

Pada 31 Disember 2024, jumlah bawaaan aset kewangan Kumpulan yang diukur pada nilai saksama berjumlah RMB6,101,383 juta. Ini terdiri daripada aset kewangan yang dikategorikan sebagai Tahap 1 di bawah hierarki nilai saksama yang diukur menggunakan harga sebut harga (tidak diselarasakan) dalam pasaran aktif (9.59%), aset kewangan yang dikategorikan sebagai Tahap 2 yang diukur menggunakan teknik penilaian yang mana semua input penilaian signifikan adalah dapat diperhatikan (87.23%) dan aset kewangan yang dikategorikan sebagai Tahap 3, di mana pengukuran nilai saksama melibatkan input signifikan yang tidak dapat diperhatikan dengan ketidakpastian yang lebih tinggi dalam keputusan penilaian, (3.18%). Memandangkan materialiti aset kewangan yang diukur pada nilai saksama dan pertimbangan signifikan yang terlibat dalam pengukuran nilai saksama aset kewangan Tahap 3, kami bertanggapan bahawa penilaian aset kewangan sebagai perkara audit utama.

Pendedahan yang berkaitan disertakan dalam Nota III.2, Nota V.15, Nota V.16, Nota V.17, Nota V.18 dan Nota VI.5 kepada penyata kewangan disatukan.

Cara audit kami mengendalikan Perkara Audit Utama

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman utama yang berkaitan dengan penilaian aset kewangan, termasuk pengesahan dan kelulusan model dan andaian penilaian, semakan dan kelulusan keputusan penilaian, serta kawalan am teknologi maklumat, antara muka sistem dan kawalan pengiraan automatik sistem-sistem yang berkaitan.

Kami melaksanakan prosedur audit untuk menilai teknik penilaian, input data dan andaian yang digunakan oleh Kumpulan berdasarkan persampelan.

Untuk aset kewangan Tahap 1, kami membandingkan keputusan penilaian Kumpulan dengan harga sebut harga yang tidak diselarasakan dalam pasaran aktif.

Untuk aset kewangan Tahap 2 dan Tahap 3, kami menilai teknik penilaian, input data dan andaian yang digunakan oleh Kumpulan melalui perbandingan dengan teknik penilaian yang biasa digunakan dalam pasaran oleh rakan industri, penganalisis harga atau keadaan yang dapat diperhatikan data pasaran luaran dan perbandingan dengan hasil penilaian yang diperoleh daripada pelbagai sumber input. Bagi aset kewangan yang berkaitan dengan penilaian kami menggunakan input yang tidak dapat diperhatikan yang signifikan, kami melibatkan pakar penilaian kami untuk menilai model penilaian dan input penilaian yang tidak dapat diperhatikan terhadap aset kewangan tersebut, melaksanakan penilaian bebas ke atas sampel terpilih dan membandingkan keputusan penilaian dengan Kumpulan.

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman utama yang berkaitan dengan pendedahan nilai saksama.

Penilaian penyatuan dan pendedahan entiti berstruktur

Kumpulan memegang kepentingan dalam banyak entiti berstruktur yang berbeza hasil daripada aktiviti perniagaannya dalam pengurusan aset, pelaburan kewangan dan persekutuan aset, kepentingan sedemikian dalam entiti berstruktur termasuk pengurusan kekayaan, dana dan pelan pengurusan aset. Kumpulan perlu membuat pertimbangan secara menyeluruh berkenaan kuasa yang dimilikinya, pendedahannya terhadap pelanggan boleh ubah dan keupayaannya untuk menggunakan kebolehan bagy mempengaruhi pulangan untuk menentukan sama ada ia mempunyai kawalan ke atas entiti berstruktur tersebut dan oleh yang demikian sama ada ia harus memasukkannya ke dalam skop penyataan.

Penilaian kawalan Kumpulan ke atas entiti berstruktur melibatkan pertimbangan profesional terhadap faktor-faktor seperti tujuan dan reka bentuk entiti berstruktur, keupayaan Kumpulan untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan, kepentingan dan pulangan berfaedah secara langsung dan tidak langsung, fi prestasi dan pulangan yang diperoleh atau kerugian yang ditanggung daripada penyediaan peningkatan kredit atau sokongan kecairan. Analisis menyeluruh terhadap faktor-faktor ini dan membuat kesimpulan sama ada Kumpulan mempunyai kawalan melibatkan pertimbangan dan anggaran pengurusan yang signifikan. Memandangkan kepentingan dan kerumitan pertimbangan pengurusan, kami bertanggapan bahawa penilaian penyatuan dan pendedahan entiti berstruktur merupakan perkara audit utama.

Pendedahan yang berkaitan disertakan dalam Nota III.6 dan Nota V.47 kepada penyata kewangan disatukan.

Cara audit kami mengendalikan Perkara Audit Utama

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan dalaman utama yang berkaitan dengan penilaian Kumpulan sama ada ia mengawal entiti berstruktur.

Kami menilai analisis dan kesimpulan Kumpulan sama ada ia mengawal entiti berstruktur berdasarkan analisis pengurusan mengenai kuasa Kumpulan ke atas entiti berstruktur, magnitud dan kebolehubahan pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berstruktur dan kaitan antara kedua-dua perkara ini dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang berkaitan.

Kami menyemak dokumen kontrak secara persampelan untuk memeriksa tujuan penubuhan entiti berstruktur dan menganalisis hak Kumpulan dan kebolehubahan pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berstruktur, termasuk sama ada Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif terhadap entiti berstruktur tersebut dan akhirnya menanggung kerugian entiti berstruktur (contohnya sebagai undang undang telah menyediakan sokongan kecairan dan peningkatan kredit kepada entiti berstruktur yang dimulakan olehnya).

Kami menilai dan menguji reka bentuk dan keberkesanan pengendalian kawalan dalaman utama yang berkaitan dengan pendedahan entiti berstruktur yang tidak disatukan.

Maklumat Lain yang Termasuk dalam Laporan Tahunan

Para pengaruh Bank bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang disertakan dalam Laporan Tahunan, selain penyata kewangan disatukan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan disatukan tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan disatukan, tanggungjawab kami adalah untuk membawa maklumat lain dan mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan disatukan atau pengetahuan yang kami peroleh dalam audit atau sebaliknya merupakan salah nyata secara material. Berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material bagi maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan ini.

Tanggungjawab Pengarah bagi Penyata Kewangan Disatukan

Para pengaruh Bank bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan disatukan yang memberikan pandangan yang benar dan saksama mengikut Piawaian Perakaunan IFRS dan keperluan pendedahan Ordinan Syarikat Hong Kong serta kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh para pengaruh sebagai input untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Berlaman menyediakan penyata kewangan disatukan, para pengaruh Bank bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan usaha berterusan, menyediakan perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan jika berkenaan dan menggunakan apa perakaunan usaha berterusan melainkan jika pengaruh Bank sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau untuk menghentikan operasi atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Para pengaruh Bank dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan Disatukan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata kewangan disatukan bebas secara keseluruhannya daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Laporan kami dibuat hanya kepada anda sebagai sebuah badan dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab atau menerima liabiliti terhadap sebarang orang lain untuk kandungan laporan ini.

Jaminan yang munasabah ialah tahap jaminan yang tinggi tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut ISA akan sentiasa dapat mengesan salah nyata material jika ada. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika ia, secara individu atau secara agregat, dengan munasabahnya dapat dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan disatukan ini.

Sebagai munasabah daripada audit yang mematuhi ISA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit ini. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material penyata kewangan disatukan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membangunkan dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membangunkan asas bagi pendapat kami. Risiko gagal mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan atau langkauan/pengataatan kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk membangunkan prosedur audit yang sesuai dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengaruh.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para pengaruh dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, membuat kesimpulan sama ada wujudnya ketidakpatuhan terhadap perkara-perkara yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk membuat sorotan dalam laporan juruaudit kami berkenaan pendedahan yang berkaitan dengan penyata kewangan disatukan atau untuk mengubah suai pendapat kami sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi. Pendedahan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Namun begitu, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan berhenti meneruskan usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan disatukan, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan disatukan mewakili urus niaga dan peristiwa asas secara membentuk pembentangan saksama.
- Rancang dan laksanakan audit kumpulan untuk mendapatkan bukti audit penyata yang mencukupi berkenaan kewangat kewangan entiti atau peniagaan dalam Kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan disatukan. Kami bertanggungjawab ke atas hala, penyediaan dan semakan kerja audit yang dilaksanakan untuk tujuan audit kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Jawatankuasa Audit mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit signifikan, termasuk sebarang kekurangan signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Kami juga menyediakan kenyataan kepada Jawatankuasa Audit bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan mengenai kebebasan dan untuk berkomunikasi dengan mereka tentang semua hubungan dan perkara lain yang mungkin difikirkan secara munasabahnya berkaitan dengan kebebasan kami dan jika berkenaan, tindakan yang diambil untuk menyingkirkan ancaman atau pelindung yang digunakan.

Daripada komunikasi dengan Jawatankuasa Audit, kami menentukan perkara-perkara yang paling signifikan dalam audit penyata kewangan disatukan bagi tempoh semasa dan oleh itu merupakan perkara audit utama. Kami menguraikan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan undang-undang atau peraturan mengahului pendedahan awam tentang perkara tersebut atau apabila, dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak seharusnya dimaklumkan dalam laporan kami kerana akibat buruk daripada berbuat demikian dijangka akan mengatai kepentingan awam daripada berkomunikasi tersebut secara munasabahnya.

Rakan kongsi dalam audit yang menghasilkan laporan juruaudit bebas ini ialah Tso Pui Sze.

Ernst & Young

Akauntan Awam Bertauliah

Hong Kong, 26 Mac 2025

Nota ini membentuk bahagian penting dalam penyata kewangan teraudit dan pemahaman penuh penyata dan keadaan hal ehwal Bank of China Limited dan anak-anak syarikatnya tidak boleh dicapai tanpa merujuk kepada set lengkap penyata kewangan teraudit.

Laporan Tahunan, senarai Lembaga Pengarah dan senarai anak syarikat boleh diperoleh di Cawangan Singapura, Bank of China Limited.